

Strategi futuristik UP&D

Pameran Buku Frankfurt telah memberi idea kepada UP&D untuk membawa idea dan teknologi baru ke dalam dunia penerbitan di Malaysia.


galeribuku

Oleh SYALMIZI HAMID
syalmizi.hamid@kosmo.com.my

TAHUN ini merupakan kali ketiga Faridah Shamsudin, 47, berpeluang mengikuti rombongan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (UP&D) ke pameran buku antarabangsa terbesar di dunia yang diadakan di Frankfurt, Jerman.

Berlangsung dari 4 hingga 10 Oktober lalu, Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt memberikan pengalaman yang cukup berharga. Apatah lagi ia merupakan peluang keemasan kepada Pengurus Kanan Penerbitan UP&D itu untuk mendapatkan idea-idea baru mengenai penerbitan buku.

Jika di Malaysia, sesebuah penganjuran pesta buku dipenuhi pengunjung yang ingin membeli buku-buku baru dan mendapat potongan harga, Pesta Buku



penerbitan baru



Judul: A-Z Jahit Sulam 1
Penerbit: Utusan Publications & Distributors
Harga: RM46
Genre: Kraf tangan
Halaman: 144
Sinopsis: Buku ini sesuai sebagai rujukan kepada mereka yang baru belajar membuat sulaman tangan. Terdapat lebih 1,300 foto berwarna yang menunjukkan setiap langkah menjahit sulaman. Arah mudah ditunjukkan untuk membuat sulaman benang bulu biri-biri, jahit riben, jahit ulat-ulat, sulam bayang, jahit suji bilang dan banyak lagi.



Judul: A-Z Jahit Sulam 2
Penerbit: Utusan Publications & Distributors
Harga: RM42
Genre: Kraf tangan

...tangan, Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt sebaliknya membuka peluang kepada penerbit-penerbit untuk menjual dan membeli hak cipta penerbitan.

Terjemahan

Rombongan yang disertai oleh Pengarah Eksekutif UP&D, Dr. Ahmad Hairi Abu Bakar dan Pengarang Kanan, Noor Fuzana Yaakub itu turut mengadakan perbincangan dengan penerbit-penerbit luar negara untuk pembelian hak cipta.

Antara penerbit yang terlibat ialah BBC Active & School, Editions Caramel, Cambridge University Press dan Weldon Owen.

Menurut Faridah, lawatan ke Frankfurt pada tahun ini adalah dengan misi untuk mendapatkan penerbitan buku-buku baru berkaitan kemahiran untuk pelajar sekolah teknik dan vokasional, motivasi, dan kraf untuk wanita.

“Bahan-bahan yang akan diterjemahkan ke bahasa Melayu itu adalah antara *best seller* di seluruh dunia dan kandungannya sangat berkualiti,” katanya.

Berdasarkan pengalaman UP&D, buku-buku berkaitan kraf dan kemahiran



FARIDAH (kanan) mengadakan perbincangan untuk mendapatkan hak penerbitan buku-buku baru ketika berada di Frankfurt baru-baru ini.

seperti jahitan dan resipi yang dibeli hak penerbitan dari penerbit luar negara mendapat permintaan yang tinggi. Ia secara tidak langsung boleh dijadikan rujukan kepada penulis-penulis baru di Malaysia untuk mengembangkan bakat dalam bidang penulisan.

“Buku-buku ini antara yang mendapat permintaan paling tinggi di kalangan pembaca,” jelas Faridah.

Tambahnya, terdapat pelbagai trend baru dari segi reka bentuk buku, reka bentuk kulit, jenis cetakan dan penjilidan yang lebih kreatif dan mampu menarik lebih ramai pembaca boleh dipelajari di Frankfurt. Selain kualiti persembahan yang menarik, kandungannya jelas menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding bahan-bahan tempatan.



PESTA Buku Antarabangsa Frankfurt di Jerman membuka peluang kepada UP&D untuk menimba idea-idea baru penerbitan buku.

Berusaha untuk mencapai tahap penerbitan yang tinggi, Faridah turut komited untuk mengetengahkan teknologi baru yang lebih futuristik sewaktu mengunjungi pameran itu. Beliau membawa pulang sebuah buku terbitan dari Korea Selatan yang mempunyai gambar-gambar yang dapat dilihat dalam imej tiga dimensi (3D).

“Saya tertarik dengan buku berjudul *3D Magic Book* yang menggunakan perisian dan perkakasan *Augmented Reality* yang boleh menarik perhatian pembaca.

“Walaupun kosnya agak tinggi, kita harus melihat peluang ini untuk perlahan-lahan membawa teknologi seperti itu masuk ke dunia penerbitan Malaysia,” ujarnya.

Faridah menambah, pihak UP&D tidak akan terus kekal memasarkan buku-buku dalam bentuk konvensional sahaja, sebaliknya strategi syarikat itu kini meliputi bahan-bahan interaktif, bentuk digital seperti e-Book dan paparan grafik pelbagai dimensi.

tangan
Halaman: 144
Sinopsis:

Sebagai sambungan kepada buku terdahulu, buku ini turut menunjukkan langkah-langkah awal hingga akhir kaedah menjahit sulam. Terdapat lebih 145 teknik menjahit yang ringkas dan mudah diikuti.



Mencari penulis buku

Utusan Publications & Distributors membuka peluang kepada individu yang berminat untuk menjadi penulis buku.

Penerbitan bahan-bahan tersebut terbuka kepada jalur penulisan keilmuan seperti sosial, sains politik dan lain-lain.

Sama ada anda sudah mempunyai bahan untuk diterbitkan ataupun baru menyemai minat, sila hubungi Faridah Samsudin di talian **019-2201 776** atau **03-9285 6577** untuk maklumat lanjut.
E-mel: enquiry@upnd.com.my

■ Untuk sebarang pertanyaan produk dan proses pembelian secara pukal sila hubungi alamat dan talian seperti berikut:



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

No. 1 & 3 Jalan 3/91 A,
Taman Shamelin Perkasa Cheras,
56100 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-9285 6577 Faksimile: 03-9287 5763
E-mel: enquiry@upnd.com.my
Laman web: www.mybooks.com.my